



**SYARAT – SYARAT PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BERGAJI
PENUH DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (CBBPHLP) DAN CUTI
BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN HADIAH LATIHAN LAIN-LAIN (CBBPHLL)**
SESI 2025/2026

1. Syarat Umum

- (i) Pegawai hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Pegawai juga hendaklah mempunyai kelayakan Ijazah Pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

2. Syarat Khusus

- i) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** lantikan tetap Perkhidmatan Awam Persekutuan;
- ii) **Syarat had umur** pegawai pada **1 Januari 2025** adalah seperti berikut:

Jenis Pengajian	Syarat Had Umur
CBBPHLP	Pegawai mestilah berumur tidak melebihi 44 tahun bagi pengajian peringkat Kedoktoran (Ph.D) dan 49 tahun bagi pengajian peringkat Sarjana ;
CBBPHLL	Pegawai mestilah berumur tidak melebihi 45 tahun bagi pengajian peringkat Kedoktoran (Ph.D) dan 50 tahun bagi pengajian peringkat Sarjana ;

- iii) **Tempoh perkhidmatan** minimum (di Kumpulan Pengurusan dan Profesional) adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian yang Dipohon	Tempoh Perkhidmatan (pada 1 Januari 2025)
Sarjana	8 tahun ke atas
Ijazah Kedoktoran	9 tahun ke atas



- iv) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- v) Mencapai **markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2021, 2022 & 2023)**. Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**;
- vi) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2025)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun

- vii) **Permohonan hendaklah disokong oleh perakuan Ketua Jabatan dan persetujuan Ketua Disiplin masing-masing;**
- viii) **Memohon pengajian diperingkat yang lebih tinggi daripada peringkat pengajian sedia ada yang dimiliki pegawai;**
- ix) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- x) **Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh 5 tahun terkini;**
- xi) **Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman atau biasiswa JPA;**
- xii) Pegawai bebas daripada sebarang penyakit kronik (**LAMPIRAN C**);

**Ahli keluarga pemohon perlu bebas daripada sebarang penyakit kronik sekiranya ditawarkan pengajian peringkat Ph.D/Sarjana di luar negara.
- xiii) **Pegawai yang memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan (CBBPHLP) hendaklah :**
 - Masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian di dalam atau luar negara; atau



- Telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam atau luar negara; atau
- Bagi calon Ph.D sahaja - Telah memulakan pengajian pada tahun penawaran dibuka dengan syarat pemohon perlu memohon penangguhan pengajian daripada universiti bagi mengikuti Kursus Persediaan Kedoktoran (Ph.D) yang ditetapkan JPA;

xiv) **Pegawai yang memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Hadiah Latihan Lain-lain (CBBPHLL) hendaklah :**

- Telah menerima/sedang memohon tajaan atau basiswa daripada mana-mana pihak dan belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam atau luar negara; dan
 - Bagi calon yang telah diperakukan dan lulus temuduga peringkat Jabatan kelak sekiranya masih belum mendapat penajaan sehingga Disember 2025, tawaran CBBPHLL ini terbatal secara automatik.
- xv) Menyediakan **Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian** (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris) mengikut panduan seperti **LAMPIRAN 1** dengan pilihan **BIDANG PENGAJIAN** seperti **LAMPIRAN 2**.

3. Kemudahan

- i) Pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Professional (P&P) akan ditawarkan pengajian:
 - a. Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan (CBBPHLP) sesi 2026; atau
 - b. Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Hadiah Latihan Lain-lain (CBBPHLL) sesi 2025.

* Pegawai yang pernah ditaja pengajian Ijazah Sarjana di luar negara di bawah Program HLP JPA hanya dibenarkan untuk memohon program HLP JPA Sesi 2026 bagi pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran di dalam negara sahaja.



4. Institusi Pengajian

Pegawai perlu memilih institusi pengajian mengikut kategori yang ditetapkan seperti berikut:

(a) Luar Negara

- (i) Senarai **Type A dan Type B** dalam *Top Global Universities (The Top Global University Project)* bagi pengajian di Jepun;
- (ii) Senarai **kedudukan 100 teratas** secara keseluruhan dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings*; atau
- (iii) Senarai **kedudukan 100 teratas** secara keseluruhan dalam *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings*.

(b) Dalam Negara

Senarai institusi pengajian tinggi dalam negara yang ditetapkan oleh JPA seperti dalam **Lampiran 4**.

5. Ujian Bahasa Inggeris

- i) Pemohon yang berjaya ditawarkan kemudahan Program HLP JPA **dalam negara tidak perlu mengambil ujian Bahasa Inggeris**, tertakluk kepada keperluan universiti.
- ii) Pemohon yang berjaya ditawarkan kemudahan Program HLP JPA luar negara perlu lulus ujian Bahasa Inggeris dengan memperoleh skor minimum seperti berikut:
 - (a) IELTS: Band 6.5; atau
 - (b) TOEFL: *Internet Based: 92 point / Paper Based: 580 point*

6. Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan

Pegawai yang diluluskan penajaan di bawah Program HLP JPA akan dikenakan ikatan berkhidmat dengan Kerajaan dan tuntutan ganti rugi (jika berkaitan) selaras dengan tempoh penajaan sekiranya melanggar syarat perjanjian.



7. Tatacara Permohonan dan Tanggungjawab Pemohon

- i. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh secara dalam talian di portal JKR melalui pautan <https://mycutibelajar.jkr.gov.my>;
- ii. Hanya pencalonan yang diperakukan oleh Ketua Jabatan sahaja yang layak untuk memohon CBBP dengan mengisi Borang Perakuan Jabatan **LAMPIRAN B**;
- iii. Pegawai perlu mengemukakan Kertas Cadangan Penyelidikan/Penyataan Ringkas melalui Ketua Disiplin masing-masing seperti di **LAMPIRAN 3** untuk mendapatkan persetujuan dan pengesahan terlebih dahulu sebelum memuat naik permohonan tersebut ke dalam sistem MyCuti Belajar;
- iv. Semua dokumen sokongan bagi permohonan tersebut hendaklah dimuat naik melalui sistem MyCutiBelajar mengikut format yang telah ditetapkan.
- v. Sebarang pertanyaan atau kemosykilan dalam urusan ini boleh diajukan kepada:

Unit Kompetensi & Peperiksaan Jabatan
Bahagian Pembangunan Skim Kejuruteraan
Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat

Telefon : Ir. Norain binti Osman (03-2618 8666)
Ir. Mohd Azral bin Mat Jusoh (03-2618 8656)
Email : unitkompetensi.bpsk@jkr.gov.my



8. Penalty

- i) **Kegagalan** tuan/puan untuk menghadiri **temuduga Peringkat Jabatan tanpa alasan yang munasabah** setelah mengemukakan Borang Permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh Sesi 2025/2026 boleh menyebabkan **penalty** iaitu **tidak layak memohon kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh selama 1 tahun** pada sesi berikutnya.
- ii) **Kegagalan** tuan/puan untuk **memohon secara online bagi permohonan HLP di Peringkat JPA** tanpa alasan yang munasabah setelah berjaya temuduga dan diperakukan di peringkat Jabatan, tuan/puan akan dikenakan **penalty** iaitu **tidak layak memohon kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh selama 1 tahun** pada sesi berikutnya.